

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1990. Tajuk ringkas.
2. Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja Fasal (5), Fasal baru (6) yang berikut: Pindaan Perkara 48.

"(6) Seseorang yang meletakkan keahliannya dalam Dewan Rakyat hendaklah, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh perletakan keahliannya berkuatkuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Rakyat."
3. Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda, dalam Fasal (4), dengan menggantikan perkataan-perkataan "tetapi tidak lebih daripada tiga puluh orang anggota lain" dengan perkataan-perkataan "anggota lain; tetapi bilangan anggota lain itu tidaklah boleh, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, melebihi tiga puluh orang". Pindaan Perkara 139.

Pindaan
Perkara
141A.

4. Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda, dalam Fasal (2), dengan menggantikan perkataan-perkataan "tetapi tidak lebih daripada lapan orang anggota lain" dengan perkataan-perkataan "anggota lain; tetapi bilangan anggota lain itu tidaklah boleh, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, melebihi lapan orang".

Pindaan
Perkara 151

5. Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan Fasal (2) dengan yang berikut:

"(2) Sesuatu lembaga penasihat yang ditubuhkan bagi maksud-maksud Perkara ini hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan yang menjadi atau pernah menjadi, atau yang layak menjadi, hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi, atau yang menjadi seorang hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia, dan dua orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong."

Pindaan
Jadual
Kelapan.

6. Seksyen 6 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (4), subseksyen baru (5) yang berikut:

"(5) Seseorang yang meletakkan keahliannya dalam Dewan Undangan Negeri ini atau mana-mana Negeri lain hendaklah, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh perletakan keahliannya berkuatkuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Undangan Negeri ini."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Perlembagaan Persekutuan.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini meminda Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan untuk menjadikan seseorang hilang kelayakan untuk menjadi seorang ahli Dewan Rakyat, bagi

tempoh selama lima tahun, jika dia meletakkan keahliannya dalam Dewan Rakyat. *Fasal 6* meminda Jadual Kelapan untuk memasukkan peruntukan yang bersamaan tentang keahlian Dewan Undangan bagi Negeri-Negeri untuk memberi kesan yang sama di dalam Perlembagaan-Perlembagaan Negeri-Negeri itu.

3. *Fasal 3* dan *4* Rang Undang-Undang ini masing-masingnya meminda Perkara 139 dan 141 A Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong menambah, melalui perintah, bilangan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Pada masa sekarang, bilangan itu hanya boleh ditambah dengan meminda Perkara-Perkara yang tersebut itu.

§ 4. *Fasal 5* meminda Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan untuk memotong kehendak bagi Yang di-Pertuan Agong berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung sebelum melantik anggota-anggota relevan bagi lembaga penasihat. Tujuan pindaan ini adalah untuk memastikan kekonsistenan prosedur bagi perlantikan pengerusi dan anggota-anggota lain bagi lembaga.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1548.]